MOH/S/IPTK/23.22(TR)





LAPORAN TEKNIKAL

KAJIAN PENILAIAN RISIKO KENDIRI TERHADAP PENYAKIT

COVID-19

DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA







Institute for Health Behavioural Research(IHBR)
National Institutes of Health, Ministry of Health Malaysia

LAPORAN TEKNIKAL KAJIAN PENILAIAN RISIKO KENDIRI TERHADAP PENYAKIT COVID-19 DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA

Kajian Penilaian Risiko Kendiri Terhadap Penyakit Covid-19 Dalam Kalangan Rakyat Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia.
NMRR-20-2415-57137

Penasihat
Dr.Manimaran a/l Krishnan Kaundan,
Pengarah
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan

Penyelidik Utama
Kamarul Zaman bin Salleh
Mohd Hairmansah bin Mohd Shah

Penyelidik Bersama
Noorlaile Jasman
Dr.Normawati Ahmad
Norrafizah Jaafar
Siti Nur Farhana Harun

Penyunting
Dr. Affendi bin Isa, Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM
Saiful Adli bin Suhaimi, Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
Blok B3, Kompleks Institut Kesihatan Negara,
No 1, Jalan Setia Murni U13/52,
Seksyen U13, Setia Alam,
40170, Shah Alam, Selangor.
MALAYSIA
Tel : +03-3362 7600
Fax : +03-3362 7601

Sebarang pertanyaan atau komen mengenai laporan ini harus ditujukan kepada:

Penyelidik Utama
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan,
Blok B3, Kompleks Institut Kesihatan Negara,
No 1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Setia Alam,
40170, Shah Alam, Selangor.
MALAYSIA
Tel : +03-3362 7600
Fax : +03-3362 7601

© 2022 Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Institut Kesihatan Negara,
Kementerian Kesihatan Malaysia
Hakcipta Terpelihara

KANDUNGAN

PENGHARGAAN		vi
RINGKASAN EKSEKUTIF		vii
1. PENGENALAN		1
2. OBJEKTIF		2
2.1	Objektif Umum	2
2.2	Objektif Khusus	2
3. METODOLOGI		2
3.1	Reka bentuk kajian	2
3.2	Tempoh kajian	2
3.3	Instrumen kajian	2
3.4	Kaedah pengumpulan data	3
4. HASIL KAJIAN		3
4.1	Profil demografi responden	3
4.2	Hasil kajian keseluruhan mengikut komponen:	6
4.2.1	Persepsi risiko dijangkiti COVID-19	6
4.2.2	Tingkah laku pencegahan terhadap COVID-19	6
4.2.3	Pendedahan kepada risiko COVID-19 (3S)	6
4.3	Hasil Kajian terperinci mengikut komponen:	7
4.3.1	Persepsi risiko dijangkiti COVID-19	7
4.3.2	Tingkah laku pencegahan terhadap COVID-19	8
4.3.3	Terdedah kepada risiko COVID-19 (3S)	8
5. PERBINCANGAN		9
5.1	Persepsi risiko dijangkiti COVID-19	9
5.2	Tingkah laku pencegahan terhadap COVID-19	10
5.3	Terdedah kepada risiko COVID-19 (3S)	10
6. KESIMPULAN DAN CADANGAN		11
RUJUKAN		12

Lampiran I Borang soal-selidik

Lampiran 2 Peratusan bagi komponen persepsi risiko dijangkiti COVID-19, tingkah laku pencegahan terhadap COVID-19 dan pendedahan kepada risiko COVID-19 (3S)

Lampiran 3 Hubungan di antara demografi dengan persepsi risiko dijangkiti COVID-19, tingkah laku pencegahan terhadap COVID-19 dan pendedahan kepada risiko COVID-19 (3S)

Lampiran 4 Hubungan di antara penyakit dengan persepsi risiko dijangkiti COVID-19, tingkah laku pencegahan terhadap COVID-19 dan pendedahan kepada risiko COVID-19 (3S)

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Profil Demografi Responden 4

Jadual 2: Peratusan jenis penyakit yang dihidapi oleh responden 5

Jadual 3: Tahap persepsi risiko dijangkiti COVID-19 6

Jadual 4: Tahap tingkahlaku pencegahan terhadap COVID-19 (3W) 6

Jadual 5: Tahap pendedahan kepada risiko COVID-19 (3S) 7

Jadual 6: Tahap persepsi risiko dijangkiti COVID-19 mengikut penyakit yang dihidapi 7

Jadual 7: Tahap tingkah laku pencegahan COVID-19 dalam kalangan penghidap penyakit berisiko 8

Jadual 8: Kekerapan terdedah kepada COVID-19 dalam kalangan penghidap penyakit berisiko 9

SENARAI SINGKATAN

WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
SOP	Prosedur Operasi Standard
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atas sokongan dan izinnya untuk menerbitkan laporan ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) dan Pengarah, Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) atas sokongan, bimbingan, dan nasihat teknikal sepanjang proses kajian ini dijalankan. Terima kasih juga kepada semua ahli pasukan penyelidik yang telah membantu dalam kajian ini. Akhir kata, ribuan terima kasih kepada semua responden yang telah terlibat dalam menjawab soal selidik secara atas talian.

RINGKASAN EKSEKUTIF


Pandemik COVID-19 di Malaysia merupakan sebahagian daripada pandemik penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) yang sedang melanda seluruh dunia berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Ekoran daripada peningkatan jumlah kes yang mendadak pada bulan Mac 2020, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bagi menyekat penyebaran COVID-19. Pemakaian pelitup muka, kerap membasuh tangan dengan sabun serta sentiasa mengamalkan penjarakan sosial 1 meter merupakan prosedur operasi standard (SOP) yang dipatuhi oleh semua rakyat.

Walaupun pelbagai kaedah dan strategi telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani pandemik ini, sokongan serta tindakan pencegahan dari rakyat amat penting untuk memutuskan rantaian COVID-19. Penilaian risiko kendiri wajar diamalkan oleh rakyat dalam semua keadaan bagi mengurangkan risiko jangkitan terhadap diri sendiri. Oleh kerana itu, IPTK telah mengambil inisiatif dengan menjalankan kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penilaian tingkah laku risiko kendiri COVID-19 dalam kalangan rakyat Malaysia.

Secara keseluruhannya, 20,567 responden telah menyertai kajian atas talian sepanjang tempoh kutipan data dijalankan. Kajian ini terbuka kepada mereka yang berumur 13 tahun dan ke atas. Instrumen kajian menumpukan kepada tiga komponen utama iaitu persepsi risiko dijangkiti penyakit COVID-19, tingkah laku pencegahan terhadap COVID-19 dan pendedahan kepada risiko COVID-19.

Hasil kajian mendapati rakyat Malaysia pada ketika ini, mempunyai persepsi risiko untuk mendapat jangkitan COVID-19 adalah sederhana (49.2%). Bagi tingkah laku pencegahan (3W) terhadap COVID-19, didapati sebanyak 76.7% berada pada tahap tinggi dalam mengamalkan tingkah laku pencegahan seperti yang disarankan oleh pihak kerajaan. Untuk pendedahan kepada risiko terhadap COVID-19, majoriti responden berpendapat mereka mempunyai tahap yang rendah (82.3%) untuk terdedah kepada risiko COVID-19.

Kesimpulannya, kesedaran dan pemahaman terhadap penilaian risiko kendiri tentang penyakit COVID-19 perlu dipertingkatkan agar rakyat Malaysia dapat mengubah tingkah laku mereka dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.





Kajian Penilaian Risiko Kendiri Terhadap Penyakit Covid-19 Dalam Kalangan Rakyat Malaysia.
NMRR-20-2415-57137

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
Blok B3, Kompleks Institut Kesihatan Negara,
No 1, Jalan Setia Murni U13/52,
Seksyen U13, Setia Alam,
40170, Shah Alam, Selangor.
MALAYSIA
Tel : +03-3362 7600
Faks : +03-3362 7601
www.iptk.gov.my

© 2022 Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia
Hakcipta Terpelihara